

PENULISAN ESEI


TAJUK ESEI: Baik dan Buruknya Teknologi Kepada Seseorang Muslim

PENULIS: Wardatul Husna Mislah Hudin

Tarikh diterbitkan: 25 Januari 2021

Teknologi terus berkembang sejajar dengan peredaran zaman yang semakin maju dari masa ke semasa. Dengan adanya inovasi-inovasi baharu yang dihasilkan oleh manusia, teknologi menjadi semakin canggih dan penggunaannya semakin tersebar ke seluruh pelusuk dunia. Tidak dapat disangkal, hampir setiap saat masyarakat menggunakan teknologi dalam kehidupan seharian mereka. Contohnya, penggunaan teknologi di hujung jari seperti telefon pintar menjadi keperluan utama gaya hidup masyarakat hari ini. Juga diibaratkan seperti 'nyawa' yang tidak dapat dipisahkan. Sungguhpun begitu, sejauh manakah penggunaan teknologi memberi impak dalam kehidupan sosial sesebuah masyarakat?


Sebelum itu, kita fahami dulu apa itu teknologi. Secara umumnya, teknologi adalah ilmu pengetahuan yang mempelajari tentang keterampilan dalam mencipta alat, metode pengolahan, dan ekstraksi benda untuk membantu menyelesaikan pelbagai permasalahan dan pekerjaan manusia sehari-hari. Teknologi dapat dikategorikan mengikut jenis dan kegunaan seperti teknologi informasi, teknologi komunikasi, teknologi transportasi, teknologi pendidikan, teknologi medis dan lain-lain lagi. Penggunaan teknologi tersangatlah luas dalam pelbagai bidang dan boleh dikatakan setiap bidang mempunyai perkembangan teknologi tersendiri. Skop perbincangan di sini, adalah penggunaan teknologi di kalangan muslim dalam kehidupan mereka sehari-hari. Sebagai seorang muslim yang baik, bagaimanakah kita patut menggunakannya tanpa melanggar perintah Tuhan Yang Maha Esa.



Apakah manfaat yang kita dapat dengan adanya teknologi ini? Perbincangan difokuskan terhadap teknologi maklumat dan komunikasi sebagai salah satu teknologi yang banyak digunakan oleh segenap lapisan masyarakat. Contohnya ialah televisyen dan telefon mudah alih yang diperkenalkan sejak tahun 90-an dan sehingga kini telah berevolusi dengan kewujudan tv pintar dan telefon pintar. Tanpa adanya teknologi ini, tidak mungkin kita dapat merasai kepantasan dan kelajuan dalam menerima sebarang maklumat serta berhubung dengan orang jauh. Lihat sahaja situasi pandemik COVID-19 sekarang ini, kita dapat lihat bagaimana ledakan teknologi telah memudahkan penyebaran dan perkembangan maklumat ke serata dunia. Tidak dapat dibayangkan sekiranya pandemik ini berlaku sekitar tahun 1980-an dan awal 1990-an. Walaubagaimapun, jaringan internet adalah teknologi yang paling penting bagi seantero dunia untuk mengakses segala platform media sosial, carian maklumat dan sebagainya. Tanpanya, penyampaian maklumat pasti akan menjadi lambat, aplikasi-aplikasi yang memerlukan rangkaian internet tidak dapat digunakan. Kita terpaksa bergantung kepada siaran televisyen sahaja untuk mengetahui berita semasa atau terpaksa membelanjakan sedikit wang untuk membuat panggilan melalui telefon. Sedangkan, penggunaan aplikasi WhatsApp adalah salah satu platform yang memudahkan masyarakat untuk berkomunikasi dengan lebih pantas melalui pesanan mesej dan panggilan video bersama rakan-rakan dan ahli keluarga yang berada jauh di dalam negara mahupun luar negara.

Jelas sekali teknologi banyak memberi kemudahan dan kebaikan kepada semua. Namun begitu, terdapat juga pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab telah menyalahgunakan teknologi ini sehingga membawa kepada kemudaratan dan keburukan terhadap individu itu sendiri atau membabitkan orang lain. Yang sering menjadi perbualan masyarakat adalah mengenai jenayah siber. Jenayah siber amat berleluasa ketika ini dan sukar untuk dibendung. Penggunaan internet yang menjadi sumber pencarian maklumat disalahguna sebagai medium untuk melakukan aktiviti penipuan, mencuri maklumat, menggodam, pengubahsuaian ke atas program dan lain-lain lagi. Malang sekali, penyebaran maklumat yang tidak benar dan tidak pasti kesahihannya semakin berleluasa, sedangkan media sosial seharusnya menjadi medium yang membantu masyarakat berkongsi maklumat yang penting dan berguna sama ada dalam situasi kecemasan dan sebagainya. Penyebaran fitnah dan maklumat palsu seperti perceraian, perkahwinan atau kematian orang terkenal menjadi trend masa kini. Sebagai pembaca atau penerima maklumat juga seharusnya menyelidiki terlebih dahulu sebelum mempercayainya bulat-bulat dan berkongsi dengan

orang lain. Janganlah kita menjadi salah seorang penyebar fitnah sehingga menjejaskan pihak



yang tidak bersalah dan sudah tentu menanggung dosa besar seperti dosa membunuh.

Dalam Islam, manusia yang menginginkan hiburan dalam kehidupan adalah suatu fitrah sebagaimana agama Islam itu sendiri yang sesuai dengan fitrah. Peranti seperti telefon pintar, laptop dan komputer merupakan alat teknologi yang boleh menyalurkan hiburan berterusan sepanjang waktu. Namun begitu, sindrom ketagihan terhadap gajet semakin meningkat dari masa ke semasa terutamanya di kalangan remaja dan kanak-kanak. Pengguna tegar media sosial kebiasaannya menghabiskan masa penggunaan sehingga melebihi 12 jam sehari. Ketagihan ini mampu memberi impak buruk kepada seseorang muslim sekiranya mereka mula mengabaikan perintah Allah disebabkan oleh ketaksuban dunia. Contohnya, melewati atau meninggalkan kewajipan menunaikan solat lima waktu. Begitu juga individu yang menunaikan solat bahkan dalam solatnya memikirkan sesuatu terhadap telefonnya seperti menunggu pesanan, panggilan dan sebagainya sehinggakan solatnya tidak khusyuk. Kehidupan yang diberkati sukar untuk dirasai sekiranya jiwa rohani tidak diisi dengan zikir-zikir dan ayat-ayat suci al-Quran. Bagaimana untuk seseorang muslim itu mengisi rohani jika terlalu leka dengan kenikmatan dunia? Jadi, hiburan itu tidaklah salah dan tidak disekat kepada umat Islam dalam kehidupan, selagi ianya tidak melanggar batas syarak dan tidak melalaikan daripada melaksanakan perintah agama.

Sebagai seorang muslim yang baik, sewajarnya kita menggunakan masa dengan perkara yang berfaedah kepada perkembangan fizikal dan mengelakkan pembaziran masa melayari internet secara berlebihan. Firman Allah, jelas mengenai masa, “Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.” (Surah al-Asr: 1-3). Manusia yang berjaya dan beruntung ialah manusia yang memanfaatkan masanya dengan beramal soleh ke arah kebaikan manakala manusia yang

gagal dan rugi adalah manusia yang mensia-siakan masanya di dunia. Pembahagian masa amatlah penting untuk memastikan setiap tanggungjawab yang dipikul dapat dilaksanakan dengan baik dan tidak tercicir. Maka, kita perlu memperuntukkan masa sebaik-baiknya dalam waktu seharian seperti masa beribadat, masa belajar atau menuntut ilmu, masa berkeluarga, masa bermasyarakat dan bersosial serta masa istirahat.

Teknologi yang sedia ada tidak seharusnya memberi gangguan dan mudarat kepada masyarakat, khususnya seseorang muslim sekiranya peralatan teknologi dapat digunakan dengan sebaik mungkin tanpa berlebihan atau berlaku penyalahgunaan. Oleh itu, penting untuk kita memperbaiki diri menjadi seorang muslim yang dapat mendisiplinkan diri agar teknologi itu dapat dikawal oleh kita, bukannya teknologi yang mengawal kita. Secara tidak langsung, perkara ini dapat mengelakkan diri kita daripada gejala kesihatan seperti kemurungan dan sakit mata apabila digunakan terlalu lama pada jarak dekat. Selain itu, dapat juga mengelakkan diri daripada masalah dalam perhubungan sosial antara masyarakat terutama sekali hubungan dalam keluarga, hubungan sesama jiran tetangga dan juga antara rakan sebaya.

Kesimpulannya, umat Islam turut melibatkan diri bersama-sama dalam arus kemajuan ini kerana menyedari betapa pentingnya ICT dalam kehidupan agar tidak jauh ketinggalan di belakang. Islam sangat menggalakkan kemajuan umatnya kerana dalam Islam sendiri, Al-Quran tidak pernah menghalang umatnya untuk maju dan mengikut arus moden bagi melakukan penelitian dalam bidang apapun termasuk dalam bidang teknologi seperti firman Allah, “Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal, iaitu orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): “Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, Maka peliharalah kami dari siksa neraka” (Surah al-Imran: 190-191). Oleh itu, seorang muslim yang baik perlu menjadi pengguna yang bijak terhadap teknologi yang ada di depan mata dan mencuba untuk menyampaikan kebaikan kepada orang lain. Hal ini kerana apabila kita menyebarkan sesuatu kebaikan kepada orang lain, maka kita akan mendapat pahala di sisi Allah SWT.

BIBLIOGRAFI

Alfi Ubaidillah. (2018, December 19). Pandangan Islam terhadap Perkembangan Teknologi: <https://www.kompasiana.com/alfiubaidillah/5c1a316f43322f3547548463/pandangan-islam-terhadap-perkembangan-teknologi>

Aqilah Mior Kamarulbaid. (2020, October 9). Segera banteras jenayah siber. Utusan Malaysia: <https://www.utusan.com.my/rencana/2020/10/segera-banteras-jenayah-siber/>

Kurniawati Kamarudin. (2020, May 17). Ledakan teknologi memudahkan penyebaran maklumat COVID-19. Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/05/689806/ledakan-teknologi-mudahkan-penyebaran-maklumat-covid-19>

Nahar, N., Sangi, S., Rosli, N., & Abdullah, A. H. (2018). Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5(1), 87-99.

Razali, Nurul Afiza; Hera, Noor; Jasmi, Kamarul Azmi (2019). Media Sosial dan Impak Negatif Menurut Islam, *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)*. Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM, 33-48.